

'Rethinking Ourselves' manual moral untuk penjawat awam

• Penjawat awam perlu memastikan setiap dana awam memberi manfaat kepada rakyat, bukan kepada kepentingan peribadi atau kelompok elit. Di sinilah amanah dan akauntabiliti diuji

• Kita mesti menjadi peneraju reformasi, mempercepat penyampaian perkhidmatan, memodenkan sistem dan menghidupkan semangat akauntabiliti baharu



Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Oleh Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz
bhrencana@bh.com.my

Setelah membaca *Rethinking Ourselves* karya terbaharu Datuk Seri Anwar Ibrahim, saya melihat ia bukan sekadar autobiografi seorang pemimpin, tetapi manual moral dan strategik untuk membimbing seluruh perkhidmatan awam ke arah pentadbiran berprinsip, inklusif dan berjiwa MADANI.

Dalam dunia sedang berubah dengan pantas - digerakkan teknologi, ekonomi global dan krisis nilai - Perdana Menteri menegaskan kita mesti berani berfikir semula mengenai cara kita mentadbir, berkhidmat dan memahami makna keadilan.

Dalam bahagian prolog buku, Perdana Menteri menggunakan metafora taufan untuk menggambarkan bagaimana perubahan boleh membawa kehancuran atau kemajuan: "*Change is, more often than not, a tropical cyclone.*" (ix)

Bagi penjawat awam, ini adalah peringatan perubahan bukan ancaman, tetapi peluang untuk menilai semula cara kita berkhidmat kepada rakyat. Dalam menghadapi ribut politik, ekonomi dan sosial, kita perlu berpegang pada integriti, prinsip dan keberanian moral.

Perdana Menteri mengimbas pengalamannya memperkukuh institusi antirasuah ketika menjadi Menteri Kewangan dengan mengingatkan: "*When the issues of governance, transparency, and accountability are left neglected, even the tried and tested toolkit for economic woes could prove to be ineffective.*" (xi)


Bagi penjawat awam, mesejnya adalah jelas. Tanpa integriti, sesebuah dasar, walau sehebat manapun ia, akan tetap gagal. Integriti bukan sekadar nilai peribadi, tetapi ia adalah nadi kepercayaan rakyat terhadap kerajaan.

Penjawat awam perlu memastikan setiap dana awam memberi manfaat kepada rakyat, bukan kepada kepentingan peribadi atau kelompok elit. Di sinilah amanah dan akauntabiliti diuji.

Perdana Menteri menyebut: "*All the norms and ways of thinking we had taken as given were also evaporating and would need to be replaced by novel and innovative approaches.*" (xiv)

Zaman ini menuntut kita berinovasi. Penjawat awam mesti tangkas menghadapi krisis, memanfaatkan data dan mengimbangi kemajuan teknologi dengan nilai kemanusiaan. Inilah asas kepada perkhidmatan awam yang cekap, tangkas dan berjiwa rakyat.

Perdana Menteri juga mengkritik bentuk kapitalisme menindas dan menyeru kepada ekonomi berasaskan keadilan sosial: "*To overcome such dege-*



nerate forms of capitalism... I call it the humane economy for social justice." (223)

Konsep "*humane economy*" ini menuntut agar setiap keputusan dasar mesti mengutamakan keadilan sosial dan kebajikan rakyat; mengurus sumber awam dengan telus dan beretika serta memastikan pembangunan tidak mengorbankan nilai kemanusiaan.

Enam nilai utama kerangka SCRIPT/MADANI

Perdana Menteri turut menegaskan kembali enam nilai utama dalam kerangka SCRIPT/MADANI sebagai asas pembinaan kerajaan dan masyarakat berprinsip: *Sustainability, bare & Compassion, Respect, Innovation, Prosperity, Trust.*

Beliau menulis: "*These values unite the nation in all its diversity... Prosperity without sustainability is meaningless. Mutual respect is essential for building trust.*" (206)

Sebagai penjawat awam, nilai-nilai ini perlu dijadikan kompas moral dan profesional dalam setiap tindakan. Malaysia MADANI tidak akan berjaya ji-

ka ia tidak dijayakan jentera kerajaan yang menghayatinya secara menyeluruh.

Kisah beliau di penjara yang buku sentiasa menjadi teman setia, pula menunjukkan pemikiran tajam lahir daripada refleksi dan pengetahuan. Inilah semangat pembelajaran perlu diteladani penjawat awam, tidak berhenti belajar, berfikir dan memperbaiki diri demi rakyat.

Perdana Menteri turut mengingatkan krisis kepercayaan melanda dunia: "*The ignored drip of moral decadence, often with the complicity of ruling elites, has culminated in an unprecedented trust deficit that threatens the very fabric of society.*" (231)

Bagi memulihkan keyakinan rakyat, penjawat awam mesti menunjukkan ketelusan, kecekapan dan keikhlasan. Ini boleh dicapai melalui tindakan yang cepat, adil dan mesra rakyat; komunikasi jelas dan mudah difahami serta kebertanggungjawaban terhadap setiap keputusan dan dasar kerajaan.

Perdana Menteri juga menulis: "*We can't return to normal, because the normal that we had was precisely the problem.*" (xxii)

Perkhidmatan awam tidak boleh kembali kepada budaya lama yang pasif, lambat dan tidak sensitif terhadap rakyat. Sebagai penjawat awam, kita perlu sentiasa rethinking ourselves, menilai semula cara kita berfikir, bekerja dan melayani rakyat. Kita mesti menjadi peneraju reformasi, mempercepat penyampaian perkhidmatan, memodenkan sistem dan menghidupkan semangat akauntabiliti baharu.

Akhirnya, dalam bahagian epilog buku, Perdana Menteri menulis dengan penuh keyakinan: "*Brighter futures remain ahead. We have the agency and the capacity to shape our tomorrow. There will be more storms ahead, but we will face them with the wisdom we did not have in the past.*" (204)

Petikan ini bukan sekadar kata penutup sebuah buku, tetapi ia adalah manual moral dan strategik untuk penjawat awam. Tugas kita adalah menggabungkan nilai MADANI dengan kecekapan moden agar setiap interaksi kerajaan dengan rakyat terasa adil, cepat dan beradab. Di situlah martabat perkhidmatan awam diserlahkan dan keyakinan rakyat dipulihkan.

Saya menyeru semua penjawat awam untuk membaca dan menghadam kandungan buku ini kerana ia mengingatkan kita bahawa reformasi sebenar bermula dengan perubahan dalam diri kita melalui keberanian untuk menegakkan kebenaran, ketelusan dan kasih terhadap rakyat.

Saya percaya kandungan buku ini akan mampu membangkitkan semangat berkhidmat dengan integriti, empati dan keberanian moral, menjadikan penjawat awam bukan sekadar pelaksana dasar, tetapi penggerak utama reformasi Malaysia MADANI.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH